

PANDUAN KESELAMATAN KAMPUS UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

1. PENGENALAN

- 1.1 Bahagian Pengurusan dan keselamatan adalah satunya unit yang dipertanggungjawabkan oleh pihak berkuasa Universiti dalam segala aspek berkaitan keselamatan dalam kampus serta bertanggungjawab dalam menguatkuasakan peraturan-peraturan tertentu yang dikeluarkan dari masa ke semasa berpandukan peraturan seperti berikut:
- a) Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971(Kaedah-Kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar), 2000 dan (Tatatertib Kakitangan 1979).
 - b) Peraturan-peraturan Keselamatan Am Universiti
 - c) Peraturan-peraturan lalu lintas jalan USIM 2007
 - d) Peraturan mengenai Keselamatan Kunci dan Penggunaan Bilik/Ruang selepas Waktu Pejabat
- 1.2 Walaupun pada amnya keselamatan di dalam kampus dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Keselamatan tetapi pada hakikatnya ianya juga menjadi tanggungjawab bersama semua warga kampusnya samaada kakitangan mahupun pelajar. Keselamatan yang berkesan hanya akan tercapai sekiranya dijadikan amalan/dipraktikkan oleh setiap individu. Sikap ‘Tidak ambil peduli’ atau ‘Tidak Apa’ terhadap hal-hal yang menggugat keselamatan merupakan sebahagian daripada ancaman terhadap keselamatan. Oleh yang demikian, kerjasama yang erat dan komitmen dari setiap individu terhadap keselamatan bersama amatlah diperlukan. Bahagian Keselamatan hanya berupaya mendedikasikan perkhidmatan kearah yang lebih positif.

2. OBJEKTIF PERKHIDMATAN KESELAMATAN

Tujuan perkhidmatan keselamatan adalah untuk memelihara suasana keamanan dan kerharmonian di dalam Kampus dengan memberikan penekanan terhadap Keselamatan hartabenda dan nyawa serta terhadap kepentingan-kepentingan Universiti keseluruhannya dengan cekap dan berkesan.

3. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- 3.1 Bahagian Keselamatan bertugas 24 jam untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti berikut :
- 3.1.1 Memberikan perkhidmatan kawalan Keselamatan Terhadap nyawa dan harta benda.
 - 3.1.2 Memelihara keamanan dan ketenteraman Kampus.
 - 3.1.3 Mencegah dan meyiasat kejadian-kejadian Jenayah.
 - 3.1.4 Mengawasi dan menguatkuasakan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Universiti
 - 3.1.5 Mencegah dan memadamkan kebakaran
 - 3.1.6 Memberikan perkhidmatan Keselamatan yang cekap dan berkesan
 - 3.1.7 Menerima laporan barang-barang jumpa/hilang, menyimpan dan menyerahkan kepada pemiliknya
 - 3.1.8 Mencegah perbuatan yang tidak bermoral
 - 3.1.9 Mengadakan hubungan yang baik dengan agensi luar seperti pihak Polis, Bomba dan Penyelamat, Jabatan Imigresen, Pejabat Keselamatan Kerajaan (JPM) dan orang awam demi kebaikan dan kepentingan Universiti

4. ANCAMAN KESELAMATAN DI KAMPUS

- 4.1 Apabila kita memperkatakan mengenai Keselamatan ianya termasuklah aspek keselamatan diri sendiri. Memandangkan keadaan persekitaran yang masih dalam era pembangunan maka pelbagai ancaman terhadap diri sendiri perlu dititikberatkan. Selain keadaan kampus yang belum stabil. Keadaan persekitaran kolej kediaman pelajar juga terdedah kepada pelbagai bentuk ancaman keselamatan. Antara bentuk ancaman keselamatan adalah seperti berikut:

- 4.1.1 Pelbagai ancaman jenayah terhadap keselamatan diri (nyawa)

- 4.1.2 Pelbagai ancaman jenayah terhadap keselamatan harta benda dan wang ringgit.
 - 4.1.3 Ancaman najis dadah dan pelbagai propaganda yang negatif dan lain-lain yang berkaitan.
- 4.2 Segala bentuk jenayah dan ancaman yang ditaksirkan ianya boleh dilakukan oleh:
 - 4.2.1 Penjenayah-penjenayah/individu yang tidak bertanggungjawab yang mungkin menggunakan laluan yang jarang digunakan sebagai sasaran atau sebagai laluan untuk kegiatan jenayah mereka.
 - 4.2.2 Pihak-pihak lain/individu yang mungkin mengambil kesempatan dari sebarang kelemahan atau kelalaian diri samaada semasa di luar persekitaran kampus atau dalam persekitaran kampus itu sendiri.

5. LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DI AMBIL

- 5.1 Mendapatkan bantuan dari Bahagian Keselamatan bertugas/berfungsi 24 jam yang menentukan keselamatan Kampus keseluruhannya.
- 5.2 Konsep kawalan keselamatan yang di dasarkan kepada konsep **PENCEGAHAN**, **PENGESANAN** dan **PEMBASMIAN** dengan dilaksanakan melalui tiga cara iaitu kawalan statik, rondaan keselamatan dan kawalan kamera litar tertutup (CCTV)

6. LANGKAH-LANGKAH PENGUKUHAN

Selain dari beberapa langkah kawalan keselamatan yang dirancang serta dilaksanakan oleh Bahagian Keselamatan, peranan dan kerjasama dari pelajar/kakitangan sendiri amatlah penting dan amat dituntut. Tidak ada seseorang yang lebih arif tentang setiap langkah keselamatan melainkan diri kita sendiri. Tidak ada langkah keselamatan yang lebih berkesan melainkan kewaspadaan kita pada setiap masa. Sebagai panduan, dibawah diperjelaskan langkah-langkah **yang patut dan tidak patut diambil** oleh setiap pelajar/kakitangan demi keselamatan bersama.

6.1 Keselamatan Diri.

- 6.1.1 Sentiasa berjalan secara berkumpulan khususnya pada waktu malam
- 6.1.2 Elakkan dari memasuki kawasan/bangunan yang keadaan persekitaran tidak diketahui.

- 6.1.3 Laporkan dengan segera kehadiran orang yang di curigai kepada pihak yang bertanggungjawab.
- 6.1.4 Elakkan diri dari berada di luar kawasan kolej/ kediaman Asrama selepas jam 0000 (1200 tengah malam)
- 6.1.5 Jangan memasuki kawasan-kawasan larangan/membahayakan keselamatan diri
- 6.1.6 Kunci pintu bilik/tingkap di bilik kediaman setiap masa apabila meninggalkan bilik atau waktu tengah malam.
- 6.1.7 Catatkan butir-butir perlu dalam buku rekod keluar/masuk apabila keluar dari kediaman/Asrama.

6.2 Keselamatan Hartabenda

Keselamatan hartabenda persendirian wajar diambil berat oleh setiap individu sebagai tuan empunya dan jika barang persendirian yang hendak di bawa keluar daripada kampus dikehendaki mendaftarkannya menggunakan borang/surat kebenaran yang disahkan dan mengistiharkan kepada pengawal diakunter keselamatan. Elakkan dari sebarang kecurian atau hilang akibat kelalaian dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut :-

- 6.2.1 Elakkan dari meninggalkan dompet, telefon bimbit atau lain-lain barang berharga di atas meja atau tempat terbuka. Letakkan di tempat yang selamat dan berkunci.
- 6.2.2 Kunci pintu dan tingkap apabila keluar dari bilik walaupun pada waktu yang singkat.
- 6.2.3 Jangan tinggalkan topi Keledar dengan tidak berkunci di motosikal. Motosikal juga dikunci sebelum ditinggalkan.
- 6.2.4 Jangan tinggalkan barang-barang yang berharga di dalam kereta yang boleh dilihat melalui cermin. Masukkan di dalam boot kereta. Naikkan cermin dan Kunci pintu kereta sebelum beredar. Pasangkan alat pencegah kecurian untuk keselamatan kenderaan anda.
- 6.2.5 Segala kehilangan hendaklah dilaporkan ke Pejabat Keselamatan dengan segera.
- 6.2.6 Semua hartabenda/barang jumpa hendaklah diserahkan ke Pejabat Keselamatan untuk di rekodkan supaya sesiapa yang kehilangan

hartabenda tersebut boleh memeriksa dan menuntut kembali hak milik mereka.

- 6.2.7 Sentiasa berwaspada dan melaporkan kepada Pejabat Keselamatan atau kaunter/pos Pengawal berhampiran jika mendapati seseorang yang mencurigakan berada di dalam kawasan kampus.

7. KESELAMATAN LALULINTAS.

Keselamatan lalulintas jalan raya secara amnya adalah tanggungjawab setiap individu, samaada menggunakan kenderaan atau dengan berjalan kaki. Dari segi keselamatan lalulintas di Kampus, penguatkuasaannya selaras dengan Peraturan-peraturan lalu lintas jalan USIM 2007 yang dikuatkuasakan kepada kakitangan, pelajar, pekerja luar dan pelawat.

8. MENCEGAH KEBAKARAN

Tugas mencegah/melawan kebakaran adalah salah satu dari fungsi Bahagian Keselamatan. Sebagaimana ungkapan di dalam bahasa inggeris berbunyi "Fire Is Always A Loosing Battle". Oleh yang demikian, pencegahan adalah langkah yang paling berkesan untuk memerangi kebakaran. Peraturan-peraturan berikut perlu di patuhi bagi mencegah punca kebakaran seperti berikut:-

- 8.1 Jangan membawa alat-alat/bahan-bahan yang mudah terbakar kebilik penginapan/pejabat.
- 8.2 Matikan/offkan suis elektrik apabila meninggalkan bilik atau selepas waktu pejabat.
- 8.3 Jangan menghisap rokok di tempat larangan merokok/ di tempat yang mudah terbakar semasa di dalam Bilik/ Asrama/Pejabat.
- 8.4 Jangan gunakan alat 'heater' untuk memasak air.
- 8.5 Jangan gunakan kuasa elektrik melalui satu punca elektrik/melebihi had yang di benarkan.
- 8.6 Semua peralatan yang menggunakan kuasa elektrik hendaklah ditentukan suisnya ditutup selepas digunakan. Adalah lebih baik jika plagnya ditanggalkan.
- 8.7 Jangan membuat sambungan pendawaian elektrik secara tidak sah. Segala pembaikan/ubahsuai hendaklah dirujuk kepada juruelektrik yang dilantik.
- 8.8 Jangan menggunakan peralatan elektrik yang telah/disyaki rosak.

- 8.9 Jangan membakar sampah di merata tempat atau berhampiran dengan bangunan dan tanpa pengawasan.
- 8.10 Bahan-bahan yang mudah terbakar hendaklah diletakkan berjauhan dari punca elektrik.
- 8.11 Jangan meletakan sampah sarap/kotak bekas barang-barang di laluan tangga kecemasan.
- 8.12 Bilik dan stor hendaklah dibersihkan setiap hari. Jangan menyimpan bahan yang mudah terbakar di stor.
- 8.13 Tutupkan suis utama elektrik bangunan jika berlaku kebakaran besar.
- 8.14 Peredaran udara yang mencukupi hendaklah diadakan di tempat yang dijangkaan untuk menyimpan/menggunakan bahan bergas.
- 8.15 Memberi kerjasama dalam memelihara kesempurnaan/tidak menyalahgunakan peralatan pencegahan kebakaran yang disediakan.
- 8.16 Hendaklah melibatkan diri dengan penuh minat dalam ceramah/latihan mencegah kebakaran yang diadakan dari masa ke semasa untuk kebaikan diri sendiri.
- 8.17 Apabila berlakunya kebakaran hendaklah memberitahu dengan segera ke Balai Keselamatan/Pejabat Keselamatan dan tindakan melawan kebakaran dengan cara-cara yang betul dan boleh dilakukan jika keadaan tidak membahayakan

9. PENGENALAN DIRI DALAM KAMPUS

Berbagai cara dan sistem diamalkan oleh Pusat Pengajian Tinggi Tempatan dan agensi-agensi kerajaan untuk mengawal kemasukan dan pencerobohan orang awam ke dalam premis atau bangunan masing-masing. Salah satu sistem pencegahan yang digunakan ialah dengan sistem Kad Pas Pengenalan Diri. Kategori Pas yang dikeluarkan adalah seperti berikut:-

- 9.1 Pas/Kad Pengenalan Kakitangan
- 9.2 Kad/Pas Matrik Pelajar
- 9.3 Kad/Pas Pelawat
- 9.4 Kad/Pas Kerja

Semua jenis Kad/Pas yang di keluarkan hendaklah dipakai/digantung pada baju sepanjang masa berada di dalam kampus bagi tujuan pengenalan diri. Kad/Pas hendaklah ditunjukkan kepada pihak Berkusa Universiti apabila diperlukan bagi

tujuan pemeriksaan. Jika hilang hendaklah dilaporkan segera kepada Unit Keselamatan Universiti dan urusan pengantian kad baru harus dilakukan dengan kadar segera.

10. TERTIB/TATASUSILA PERGAULAN

Pergaulan mesra tertapi terbatas di antara pelajar dan juga semua anggota masyarakat kampus adalah amat digalakkan. Disebalik segala tindakan samaada dalam bentuk tingkahlaku, perkataan atau pergaulan tanpa batas yang boleh membangkitkan suasana yang tidak diingini atau menyenggung orang lain amatlah dilarang.

11. PERATURAN MEMBAWA KELUAR HARTABENDA.

Semua harta benda milik Universiti dan juga harta benda persendirian yang hendak dibawa keluar dari kampus/kolej hendaklah diiringi dengan surat /borang tapisan keselamatan kebenaran/pengesahan daripada pihak yang bertanggungjawab/ surat hak milik dan ditunjukkan kepada Pengawal bertugas semasa keluar dari kampus.

12. APABILA BERLAKU KECEMASAN.

Hubungi segera apabila berlaku sesuatu kejadian:

1. Pejabat Am Bhg. Pengurusan & Keselamatan Universiti 06 7988084
2. Balai Pengawal Kampus Nilai 06 7988661(24 Jam)
3. Kaunter Pengawal FPSK P. INDAH 03 42892460 (24 Jam)
4. Pegawai Keselamatan Universiti 06 7988083 (Pej)
0166906951(HP)
5. Balai Polis NILAI, N. Sembilan 06 7991222
6. Balai Polis PANDAN INDAH. 03 92742222
7. Balai Bomba & Penyelamat MANTIN 06 7583199
8. Balai Bomba & Penyelamat PANDAN INDAH 0392746250

9. Pejabat Pertadbiran Kolej Kediaman Pelajar
Sutra Indah - 06 8501457
Nilam Court - 06 7598386
10. Hospital Seremban - 06 7684000
Kecemasan - 06 7684503
Ambulan - 06 7684517
11. Hospital PutraJaya
03 88880080
12. Klinik Kesihatan Salak
03 87069001

Sekian semoga mendapat kerjasama semua warga kampus dan selamat maju jaya dalam lapangan masing-masing.

Terima kasih.

“KESELAMATAN ADALAH TANGGUNG JAWAB KITA BERSAMA”

“BERILMU, BERDISIPLIN DAN BERTAKWA”

Yang benar,

KAPTEN(B) ABDUL WAHAB MAT ZIN

Pegawai Keselamatan

Universiti Sains Islam Malaysia